

Wang ihsan RM7.479j bagi petani, penternak

BHM 1/2.

Mangsa banjir di empat negeri dapat bantuan minggu depan

Oleh Azman Zakaria

PUTRAJAYA: Kabinet semalam meluluskan peruntukan pembayaran wang ihsan RM7.479 juta untuk kira-kira 6,700 peladang, petani dan penternak di Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Pahang yang sudah didaftarkan dan ditaksir kerugian mereka akibat banjir baru-baru ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peruntukan Tabung Bencana Negara itu akan yang dibayar melalui Bank Pertanian daerah yang diharap dapat diselesaikan akhir minggu depan.

Katanya, Pejabat Pertanian Negeri akan mengeluarkan surat kepada mereka terbabit untuk menyatakan jumlah kerugian yang seterusnya disemak pegawai pertanian dan pemimpin tempatan supaya tiada tun-

tutan palsu.

"Ia bukan ganti rugi kerana kerugian sebenar mereka hampir RM60 juta, sebaliknya membantu mereka.

"Kita mahu pembayaran dibuat cepat kerana mereka sudah lama menanggung beban. Pembayaran dibuat secara tunai bagi mereka yang tidak memiliki akaun bank," katanya pada sidang media semalam.

Untuk peladang, petani dan penternak di Sabah pula, Muhyiddin berkata, kerajaan negeri itu memohon wang ihsan RM1.746 juta berdasarkan kerugian yang dianggarkan RM7 juta dan jumlahnya akan ditentukan minggu depan.

Beliau juga berkata, kementerian membentuk Jawatankuasa Petugas yang dipengerusikan Timbalan Menteri, Datuk Shariff Omar untuk menyenaraikan nama peladang, petani dan penternak yang terbabit dengan

FAKTA NOMBOR

Ganti rugi untuk petani

6,700

Peladang, petani dan penternak di empat negeri terbabit banjir sudah didaftar

RM60j

Kerugian sebenar petani akibat banjir

banjir tetapi belum tersenarai.

Katanya, Jawatankuasa Petugas juga akan membuat penilaian terhadap kerosakan infrastruktur pertanian seperti benteng, jalan kampung dan jeti nelayan.

"Apabila siap diserahkan kepada Kabinet bagi menentukan jumlah peruntukan untuk kerja baik pulih," katanya.

Mengenai avian influenza (H5N1) yang dilaporkan berlaku di beberapa negara termasuk Indonesia, beliau berkata, sehingga kini tiada kes di negara ini tetapi semua pihak diminta mengambil langkah sewajarnya.

Katanya, kerajaan negeri diminta membuat pemantauan termasuk di tempat penyembelihan ayam di pasar serta peliharaan ayam di kampung.

"Kawalan di pintu masuk negara juga diperketat agar tiada penyeludupan membawa masuk ayam," katanya.